

12 MAY 1997

Tergendala

PENERBANGAN TERGENDALA AKIBAT CUACA BURUK

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Beberapa penerbangan antarabangsa dan domestik termasuk satu yang membawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadual mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, telah diarah mendarat di lapangan terbang lain atau dijadualkan semula akibat cuaca buruk petang tadi.

Seorang pegawai Pusat Kawalan Trafik Udara berkata hujan lebat dan ribut petir di sekitar Subang dan Petaling Jaya pada 5 petang menyebabkan jarak penglihatan di lapangan terbang itu amat rendah, menjadikan keadaan bahaya untuk pendaratan.

"Kami telah mengarahkan pesawat-pesawat terbabit supaya mendarat di Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang manakala yang belum berlepas telah dijadualkan semula waktu pendaratan," katanya ketika dihubungi Bernama.

Antara penerbangan yang dijadualkan semula waktu pendaratan ialah MH759 dari Vientiane (Laos), MH1056 dari Denpasar (Indonesia), MH1054 dari Johor Baharu dan MH1221 dari Alor Setar serta pesawat Pelangi Air dari Banda Aceh (Indonesia) dan Kerteh.

Waktu pendaratan pesawat-pesawat itu telah dijadualkan semula antara 8 malam dan 11.50 malam ini, katanya.

Pegawai itu berkata antara pesawat-pesawat yang tergendala waktu berlepas pula ialah MH1344 ke Kuala Terengganu, MH1452 ke Langkawi, MH1164 ke Pulau Pinang, MH2598 ke Miri, MH1063 ke Johor Baharu dan pesawat Pelangi Air ke Kerteh.

Katanya pesawat-pesawat itu hanya dibenarkan berlepas secara berperingkat-peringkat mulai 9 malam ini selepas jarak penglihatan kembali normal.

Pesawat khas yang membawa Dr Mahathir dari Langkawi telah berpatah balik ke pulau peranginan itu.

Pesawat yang berlepas pukul 5.55 petang dari Langkawi itu dipercayai telah diarah mendarat di Bayan Lepas kerana jarak pemandangan di Subang pada waktu itu hanya kira-kira 500 meter.

Pesawat itu bagaimanapun kembali ke Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat, Langkawi kerana terdapat beberapa pesawat lain yang sedang menunggu untuk mendarat di Pulau Pinang. -- BERNAMA

NAS MAI